

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, November 25, 2019 12:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program 'Continuing Professional Development' Mantapkan Teknik Pengajaran Guru Bahasa Inggeris



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 NOVEMBER 2019 / 28 RABIULAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Dr. Abdul Halim Mohamed

PROGRAM 'CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT' MANTAPKAN TEKNIK PENGAJARAN GURU BAHASA INGGERIS



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan program Latihan Perkembangan Profesional Staf bertajuk '*Continuing Professional Development (CPD): Enhancing Language Performance of English Teachers*' kepada 140 orang guru Bahasa Inggeris dari pelbagai sekolah di Daerah Kubang Pasu dan Padang Terap, baru-baru ini.

Program anjuran bersama Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu dan Padang Terap itu disampaikan secara santai untuk melatih kemahiran dan pengetahuan serta keyakinan kepada guru Bahasa Inggeris yang baharu mengajar.

Program ini disajikan dengan pelbagai topik penyampaian yang menarik seperti *Jazz Chants and Songs in English Language Classrooms* oleh Dr. Abdul Halim Mohamed dan Prof. Madya Dr. Aizan Yaacob; *DNA of an English Teacher* oleh Prof. Madya Dr. Fauziah Abd Rahim; *Communication Skills & Strategies for Teachers* oleh Dr. Fahainis Mohd Yusof; *Electrifying Your Classrooms with Drama and Arts* oleh Dr. Faizahani Ab Rahman; *Rebounce: The Key to Happy Teaching* oleh Dr. Marini Kasim; *Gamifying ELT Classroom using Digital Tools* oleh Dr.

Siti Nazuar Sailin dan Dr. Farah Mohamad Zain dan *Becoming Reflective Practitioners* oleh Prof. Madya Dr. Aizan Yaacob.

Semua peserta mengambil bahagian secara aktif di sepanjang program berlangsung dan Latihan CPD itu diharap dapat terus dijalankan di masa hadapan untuk meningkatkan kerjasama antara Pejabat Pendidikan Daerah dan UUM.

Hadir sama, Maheran Marzuki dan Solahuddin Mahmud masing-masing merupakan Pegawai Pendidikan dari Pejabat Pendidikan Daerah Daerah Kubang Pasu dan Padang Terap.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.